



KENYATAAN MEDIA YAB PERDANA MENTERI

1. Merujuk kepada kenyataan YAB Dato Seri Shafie Apdal dalam wawancara beliau dengan Malaysiakini pada 14 Julai 2020, saya ingin menegaskan bahawa saya tidak pernah sekalipun menawarkan jawatan Timbalan Perdana Menteri kepada beliau pada bulan Mac selepas saya menjadi Perdana Menteri, seperti yang didakwa.

2. Saya menyifatkan kenyataan Dato Seri Shafie Apdal dalam wawancara sama yang menyatakan: "Beliau tidak menyebutnya, tetapi saya tahu mengenai hal itu " sebagai tidak benar. Kenyataan itu adalah andaian beliau semata-mata.

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin

Perdana Menteri

17 Julai 2020